



## SEKOLAH TUN FATIMAH PANDUAN IBU BAPA/PENJAGA DAN MURID

### 1.0 Keperluan Harian Murid

Semua ibu bapa/penjaga diminta untuk memastikan barang keperluan seperti di Lampiran 4.4 dapat disediakan bagi memastikan murid tidak berkongsi peralatan atau pakaian sesama mereka. Pihak sekolah akan cuba menyediakan barang keperluan murid melalui Koperasi SEKOLAH TUN FATIMAH JOHOR BAHRU BERHAD sekiranya diperlukan.

### 2.0 Borang Deklarasi Kesihatan Murid

Borang Deklarasi Kesihatan Murid perlu diisi dengan lengkap dan diserahkan kepada guru bertugas semasa hari pendaftaran.

### 3.0 Peraturan Sekolah dan Disiplin Murid

Peraturan sekolah berkuatkuasa seperti biasa dengan beberapa peraturan tambahan yang perlu dipatuhi oleh semua murid. Murid perlu mematuhi peraturan penjarakan sosial di kalangan murid sama ada di asrama, blok akademik, surau,dewan makan dan padang. Murid **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali berkumpul di dalam satu kamar atau mana-mana tempat yang melanggar arahan penjarakan sosial. Sebarang pelanggaran kepada arahan ini akan diambil tindakan tegas oleh pihak sekolah.

### 4.0 Kantin dan Dewan Makan

Semua murid diminta mematuhi peraturan yang ditetapkan semasa berurusan di kantin dan dewan makan.

#### 4.1 Kantin :

- 4.1.1 Pengusaha kantin akan membuat pakej makanan secara berbungkus semasa waktu rehat.
- 4.1.2 Murid dibenarkan makan di kelas semasa waktu rehat
- 4.1.3 Semua plastik pembungkusan makanan dari kantin perlu dimasukkan segera ke dalam tong sampah yang disediakan untuk dilupuskan oleh pekerja pembersihan.
- 4.1.4 Hanya wakil dari setiap kelas yang ditugaskan sahaja yang akan mengambil makanan yang disediakan di kantin sekolah.
- 4.1.5 Guru bertugas akan memantau perjalanan pergerakan ke kantin.

#### 4.2 Dewan Makan :

- 4.2.1 Semua murid diminta untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak dewan makan semasa mengambil hidangan.
- 4.2.2 Semua murid diminta beratur semasa mengambil hidangan dan perlu makan di meja yang ditetapkan. Kedudukan murid adalah tetap mengikut meja dan kerusi yang telah dikhaskan. Senarai kedudukan murid di dewan makan akan dipamerkan di luar dewan



- makan.
- 4.2.3 Murid perlu bergerak mengikut laluan yang telah ditetapkan semasa berada di dewan makan dengan menekankan aspek penjarakan sosial.
  - 4.2.4 Murid perlu membasuh tangan menggunakan sabun pencuci yang disediakan di sinki dewan makan sebelum mengambil hidangan. Semua murid diwajibkan makan menggunakan sudu dan garfu.
  - 4.2.5 Bekas makanan yang telah digunakan perlu di hantar ke ruang yang disediakan sebelum murid bergerak keluar dari dewan makan mengikut laluan yang ditetapkan.
  - 4.2.6 Murid tidak dibenarkan berbuat bising semasa berada di dewan makan.
  - 4.2.7 Semua pergerakan ke dewan makan perlu mematuhi aspek penjarakan sosial. Warden dan guru bertugas akan memantau perjalanan di dewan makan.

## 5.0 Pengambilan Suhu Badan Murid

- 5.1 Suhu badan murid akan diambil oleh guru masa pertama pada setiap hari persekolahan sebelum sesi pembelajaran bermula. Suhu badan perlu direkodkan menggunakan aplikasi *Datang Reader*. Warden bertugas pula akan mengambil suhu badan murid pada hujung minggu dan mencatatkannya dalam buku/borang yang disediakan.
- 5.2 Lokasi pengambilan suhu badan bagi semua murid adalah di dewan makan.

## 6.0 Kegiatan Riadah/Sukan

Kegiatan riadah/sukan berbentuk sentuhan adalah tidak dibenarkan sama sekali. Murid boleh melakukan aktiviti riadah yang tidak melibatkan sentuhan fizikal seperti berjogging. Maklumat lanjut berkaitan hal ini boleh dirujuk dengan Penolong Kanan Kokurikulum.

## 7.0 Aktiviti di Asrama

- 7.1 Semua murid perlu membiasakan diri dengan Norma Baharu
- 7.2 Berada pada jarak **SATU METER DARI BAHU KE BAHU** di setiap tempat yang ditetapkan seperti kamar, tandas, bilik belajar, dan dewan makan
- 7.3 Tidur di katil yang telah ditetapkan. **TIDAK DIBENARKAN** merapatkan katil atau tidur di katil murid lain
- 7.4 Perhimpunan / perjumpaan (melebihi 10 orang) dalam kalangan murid di asrama tidak dibenarkan. Warden perlu memantau keberadaan murid di asrama.
- 7.5 Kerap mencuci tangan dan memakai pelitup muka (*face mask*) ketika berada di tempat umum.
- 7.6 Murid yang **TIDAK SIHAT** perlu diasingkan dan diberi pelitup separuh muka (*face mask*) untuk dipakai serta dihantar ke klinik kesihatan untuk rawatan atau dibawa pulang oleh ibu bapa/penjaga
- 7.7 Murid hendaklah melaporkan dengan segera kepada warden sekiranya diri sendiri atau rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas



- 7.8 Solat berjemaah akan dijalankan di surau sekolah dan di surau sementara di blok Fatimah mengikut kapasiti serta SOP yang telah ditetapkan.
- 7.9 Murid dikehendaki membawa sejadah dan telekung sendiri untuk solat
- 7.10 Sentiasa mengamalkan penjarakan sosial walau dimana sahaja anda berada
- 7.11 Penggunaan tandas dan bilik mandi adalah mengikut kapasiti yang dibenarkan sahaja
- 7.12 Sebarang ketidakakuratan kepada peraturan norma baharu kehidupan di asrama akan diambil tindakan tegas oleh pihak sekolah

## **8.0 Penggunaan Barang Terlarang**

Penggunaan barang terlarang oleh murid adalah dilarang sama sekali. Pihak kami amat berharap agar ibu bapa/penjaga memastikan barang terlarang tidak dibawa bersama ke sekolah. Pihak sekolah berhak untuk merampasnya serta tidak dikembalikan. Murid **DILARANG** membawa telefon bimbit di sekolah selaras dengan Pekeliling daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **9.0 Keluar Ke Bandar/Pulang Bermalam/Lawatan Ibu Bapa/Penjaga**

Semua aktiviti keluar ke bandar/pulang bermalam dan lawatan ibu bapa/penjaga adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Arahan ini berkuatkuasa sehingga arahan terbaru untuk membenarkan aktiviti keluar ke bandar/pulang bermalam dan lawatan ibu bapa/penjaga dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ibu bapa/penjaga perlu mendapat kebenaran dari Pengetua/Ketua Warden sekiranya perlu berjumpa dengan murid atas urusan kecemasan.

## **10.0 Murid Tidak Sihat**

Murid yang mempunyai masalah kesihatan semasa berada di sekolah akan dibawa ke klinik oleh warden/guru bertugas. Ibu bapa akan dimaklumkan sekiranya anak perlu dibawa pulang bagi mendapatkan rawatan lanjut di rumah. Murid yang tidak sihat diasingkan dan akan ditempatkan di bilik isolasi bagi tujuan pemantauan.

## **11.0 Penghantaran Barang**

Sekiranya pihak Ibubapa/penjaga ingin menghantar barang kepada murid hanya dibenarkan menghantar barang tersebut secara pos sahaja. Penghantaran barang di pondok pengawal masih tidak dibenarkan.

## **12.0 Perkara Yang Tidak Dinyatakan**

Sebarang perkara yang tidak dinyatakan akan dimaklumkan dari masa ke semasa berdasarkan perkembangan dan makluman terkini dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

